

Ikrar Pemuda tunai

16 NOV 1999

Oleh
NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 15 Nov. — Pemuda Barisan Nasional (BN) akan bermati-matian berjuang untuk menunaikan harapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi memastikan BN mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya ke-10 pada 29 November ini.

Setiausaha Pemuda

BN, Zulkifli Alwi ketika dihubungi di sini hari ini berkata, pihaknya yakin dengan suntikan semangat yang diberikan oleh Perdana Menteri semalam membuatkan semangat semua anggota gerak gempurnya semakin membara.

“Dengan amanat yang diberikan oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN itu telah berjaya menaikkan semangat se-

luruh anggota gerak gempurnya dan mereka akan bermati-matian untuk menunaikan tanggungjawab itu,” tegasnya.

Semalam Dr. Mahathir berharap kepada seluruh jentera parti terutama Pemuda dan Wanita BN dapat memainkan peranan yang berkesan untuk memastikan kemenangan calon-calon BN dengan memberikan tumpuan kepada empat negeri.

Perdana Menteri membuat ingatan itu ketika bercakap kepada pembekal selepas menyampaikan amanat kepada lebih 15,000 anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menurutnya, empat negeri yang dimaksudkan itu ialah Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Kata Dr. Mahathir, ini

harapan Dr. M

kerana jumlah orang kampung yang menjadi sasaran fitnah pembangkang kepada kerajaan BN di keempat-empat negeri itu adalah besar.

Exco Pemuda UMNO, Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah nekad yang diambil oleh jentera Pemuda dan Wanita BN itu amat penting untuk mengekalkan kerajaan BN bagi memastikan pembangunan rakyat tidak terganggu.

“Mempertahankan kemenangan BN bermakna rakyat membantu parti yang diterajui oleh Dr. Mahathir untuk membawa Malaysia sebagai negara yang maju dan moden menjelang alaf baru,” tegasnya.

Seorang lagi Exco Pemuda UMNO, Abdul Wahab Din berkata, seruan Perdana Menteri agar tumpuan kepada empat negeri itu bermakna su-

paya penjelasan perlu dilipat gandakan bagi menangkis fitnah pembangkang.

“Pada peringkat sekarang pembangkang sudah semakin lemah kerana mereka berhadapan dengan pelbagai masalah dalaman,” tambahnya.

Sementara itu ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, amanat Dr. Mahathir kepada Pe-

muda dan Wanita BN tersebut merupakan perkara yang penting untuk dilaksanakan supaya BN mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum kali ini.

“Kita yakin seluruh jentera BN, termasuk Pemuda dan Wanita BN yang mendengar amanat Perdana Menteri itu telah mempunyai semangat yang tinggi dan mampu menangkis dakwah pembangkang,” katanya.